

PEKELILING AKADEMIK BIL. 31/2026

Semua Pelajar Prasiswazah
Universiti Kebangsaan Malaysia

Saudara/Saudari,

PENDAFTARAN TAMBAH/ GUGUR/ TARIK DIRI DAN PENGESAHAN PENDAFTARAN KURSUS PELAJAR PRASISWAZAH SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2026/2027

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan pelajar program prasiswazah Sesi Akademik 2026/2027 untuk meneliti pekeliling ini dan mengambil tindakan seperti berikut:

- 2.1. Semua aktiviti berkenaan Pendaftaran Kursus Semester 1 Sesi Akademik 2026/2027 akan dijalankan secara dalam talian melalui laman web <http://smplucee.ukm.my/smpweb>.
- 2.2. Pelajar adalah dilarang mendedahkan Nombor Pin Pelajar (NPP) masing-masing kepada orang lain kerana ianya berstatus sulit.
- 2.3. Maklumat dan kemudahan untuk mendaftar kursus adalah seperti berikut:

Tarikh	Tahun	Aktiviti
21.09.2026 – 27.09.2026	Satu (1) Sahaja	Pendaftaran Kursus dan Tambah/Gugur Kursus
28.09.2026 – 11.10.2026	Terbuka	Tambah/Gugur Kursus Sahaja
12.10.2026 – 25.10.2026	Terbuka	Gugur Kursus Sahaja
26.10.2026 – 22.11.2026	Terbuka	Tarik Diri Kursus Sahaja
16.11.2026 – 22.11.2026	Terbuka	Pengesahan Pendaftaran Kursus

...2/-



- 2.4. Pelajar lama yang tidak membuat pendaftaran awal, bayaran denda RM50.00 akan direkodkan oleh Unit Kewangan Pelajar secara automatik.
- 2.5. Pelajar yang menggantung pendaftaran pada semester sebelumnya dan mendaftar selepas **21 September 2026**, bayaran denda sebanyak RM50.00 juga akan direkodkan oleh Unit Kewangan Pelajar secara automatik.
- 2.6. Pelajar dikehendaki mendaftar tidak kurang daripada dua belas (12) kredit dan tidak lebih daripada dua puluh (20) kredit pada tiap-tiap semester. Pendaftaran kurang daripada dua belas (12) kredit atau lebih daripada dua puluh (20) kredit hanya dibenarkan dengan kelulusan khas daripada Dekan. Sila pastikan fakulti telah mengemaskini dalam Sistem Maklumat Pelajar sebelum pelajar membuat penambahan kursus melalui SMPWeb.
- 2.7. Pelajar diwajibkan membuat pengesahan pendaftaran kursus pada minggu kelapan (8) semester iaitu bermula **16 sehingga 22 November 2026** dan sebarang perubahan kursus selepas tempoh tersebut tidak akan diterima.
- 2.8 Pelajar adalah bertanggungjawab untuk:
 - 2.8.1. Mendaftar, menyemak dan mengesahkan semua kursus yang telah didaftarkan.
 - 2.8.2. Memastikan maklumat peribadi di dalam SMPWeb adalah terkini pada setiap semester seperti ejaan nama, alamat surat-menyerat, alamat emel dan no. kad pengenalan.
 - 2.8.3. Sentiasa prihatin mengenai notis dan pekeliling terbaharu yang dipaparkan oleh Pusat Pengurusan Akademik di dalam SMPWeb.
 - 2.8.4. Membuat semakan Laporan Akademik bagi memastikan keperluan pengijazahan dipenuhi dengan teratur.

3. Sebarang masalah atau pertanyaan mengenai perkara di atas, sila emelkan kepada smpweb@ukm.edu.my / prasiswazah.akad@ukm.edu.my atau hadir ke Kaunter Pusat Pengurusan Akademik/Fakulti/Pusat untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



PROFESOR MADYA DR. IRMAN BIN ABDUL RAHMAN

Pengarah

Pusat Pengurusan Akademik

...3/-



PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-89118284/8452/8454/8457/8458/8459/8460/8461/8388/8450/8451

E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik

- s.k. - Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
- Dekan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
 - Dekan, Fakulti Pendidikan
 - Dekan, Fakulti Pengajian Islam
 - Dekan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 - Dekan, Fakulti Undang-Undang
 - Dekan, Fakulti Farmasi
 - Dekan, Fakulti Pergigian
 - Dekan, Fakulti Perubatan
 - Dekan, Fakulti Sains Kesihatan
 - Dekan, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina
 - Dekan, Fakulti Sains dan Teknologi
 - Dekan, Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
 - Dekan, Fakulti Pengajian Sains Citra
 - Pengarah,
Pusat Teknologi Digital (DigitalUKM)
 - Pengarah,
Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
 - Pengarah,
Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional (UKMShape)
 - Pengarah,
Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (Pengajaran-UKM)
 - Pengarah,
Pusat Pembangunan Keusahawanan dan EKS (UKM-CESMED)
 - Ketua Bahagian Hasil, Unit Kewangan Pelajar
Jabatan Bendahari

...4/-



PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-89118284/8452/8454/8457/8458/8459/8460/8461/8388/8450/8451
E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik

- Ketua Pustakawan, UKM
- Semua Pegawai Tadbir (Prasiswazah), Fakulti
- Presiden
Kesatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (KMUUKM)

-4-



PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-89118284/8452/8454/8457/8458/8459/8460/8461/8388/8450/8451
E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik



PENDAFTARAN TAMBAH/ GUGUR/ TARIK DIRI DAN PENGESEHAN PENDAFTARAN KURSUS

PELAJAR PRASISWAZAH SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2026/2027



MAKLUMAT DAN KEMUDAHAN UNTUK MENDAFTAR KURSUS:

Semua aktiviti berkenaan Pendaftaran Kursus Semester 1 Sesi Akademik 2026/2027 akan dijalankan secara dalam talian melalui laman web <http://smpucee.ukm.my/smpweb>.



TARIKH	TAHUN	AKTIVITI
21.09.2026 – 27.09.2026	Satu (1) Sahaja	Pendaftaran Kursus dan Tambah/Gugur Kursus
28.09.2026 – 11.10.2026	Terbuka	Tambah/Gugur Kursus Sahaja
12.10.2026 – 25.10.2026	Terbuka	Gugur Kursus Sahaja
26.10.2026 – 22.11.2026	Terbuka	Tarik Diri Kursus Sahaja
16.11.2026 – 22.11.2026	Terbuka	Pengesahan Pendaftaran Kursus



PERINGATAN! DENDA RM50 BAGI PELAJAR YANG TIDAK MEMBUAT PENDAFTARAN AWAL DAN PELAJAR YANG MENGGANTUNG PENDAFTARAN PADA SEMESTER SEBELUMNYA MENDAFTAR SELEPAS 21.9.2026.
DIREKODKAN SECARA AUTOMATIK OLEH UNIT KEWANGAN PELAJAR.



PELAJAR ADALAH BERTANGGUNGJAWAB UNTUK:

- ✓ Mendaftar, menyemak dan mengesahkan semua kursus yang telah didaftarkan.
- ✓ Memastikan maklumat peribadi di dalam SMPWeb adalah terkini pada setiap semester seperti ejaan nama, alamat surat-menyurat, alamat emel dan no. kad pengenalan.
- ✓ Sentiasa prihatin mengenai notis dan pekeliling terbaharu yang dipaparkan oleh Pusat Pengurusan Akademik di dalam SMPWeb.
- ✓ Membuat semakan Laporan Akademik bagi memastikan keperluan pengijazahan dipenuhi dengan teratur.



Sebarang masalah atau pertanyaan mengenai perkara di atas, sila emelkan kepada smpweb@ukm.edu.my / prasiswazah.akad@ukm.edu.my atau hadir ke Kaunter Pusat Pengurusan Akademik/Fakulti/Pusat untuk tindakan selanjunya.



**PATUHI TARIKH DAN PERATURAN YANG DITETAPKAN.
BERTINDAKLAH LEBIH AWAL, ELAKKAN DENDA!**

